

Headline	Pusat perubatan lengkap		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 Jun 2016	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	19	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	104 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,391
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,173



Pusat perubatan lengkap

Makkah: Aspek penjagaan kesihatan 22,320 jemaah haji antara perkara paling diambil berat Tabung Haji (TH) dan kerana itu, agensi berkenaan menyediakan dua pusat perubatan, masing-masing sebuah di Madinah dan Tanah Suci Makkah bersama 250 kakitangan perubatan untuk memberi perkhidmatan kepada jemaah 24 jam sehari.

Konsul Haji Datuk Redhuan Sabaruddin berkata, kakitangan berkenaan antaranya membabitkan 16 doktor pakar, 31 doktor perubatan dan seorang doktor pergigian.

"Pusat perubatan di Madinah beroperasi di bangunan TH di Dar al-Jaffery manakala di Tanah Suci Makkah, ia terletak berhampiran tempat melontar jamarah.

"Pusat perubatan ini antaranya menyediakan khidmat doktor pakar, kejururawatan, rawatan kecemasan serta rawatan pesakit dalam," katanya pada lawatan di pusat perubatan di

Dar al-Mubarak di Tanah Suci Makkah.

Menurut beliau, pusat perubatan berkenaan turut dilengkapi dengan farmasi selain mesin sinar-X juga peralatan rawatan pergigian.

Pusat perubatan di Dar al-Mubarak juga dilengkapi 114 bilik dan 600 katil untuk kemudahan pesakit serta petugas TH.

Redhuan berkata, semua petugas berkenaan dibawa dari Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Di sembilan maktab penginapan jemaah haji di seluruh Arab Saudi, TH turut menyediakan klinik untuk kepentingan jemaah.

"Bagaimanapun, jika ia membabitkan kes kesihatan kritikal, jemaah akan dihantar ke hospital Arab Saudi kerana peralatannya lebih lengkap," katanya.

Beliau berkata, pihak berkuasa Arab Saudi juga akan melakukan pemeriksaan di pusat perubatan berkenaan sebelum diberi kebenaran untuk beroperasi.